



**TANGKAP** layar Ismail Sabri berjabat tangan dengan Putera Faisal di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

# Malaysia, Arab Saudi perkukuh hubungan

Oleh **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR**

**PUTRAJAYA** – Malaysia akan terus mengukuhkan hubungan dua hala dan ekonomi melibatkan perdagangan serta pelaburan dengan Arab Saudi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan perkara tersebut menerusi satu hantaran di Facebook ras-

minya semalam.

Menurut beliau, perkara itu merupakan antara isu yang dibincangkan dengan Menteri Luar Negeri Arab Saudi, Putera Faisal Farhan yang mengunjunginya pejabatnya di sini tempoh hari.

“Kedua-dua pihak bersetuju meningkatkan lagi tahap kerjasama dua hala dengan menubuhkan Majlis Koordinasi Arab Saudi-Malaysia

(SMCC),” katanya.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, mereka turut berbincang mengenai usaha untuk mengaktifkan semula inisiatif penubuhan Majlis Perniagaan Arab Saudi-Malaysia dalam masa terdekat.

“Kami juga membincangkan isu-isu lain seperti kuota haji, pendidikan, pelancongan dan lain-lain,” katanya.